

PERHATIAN

Sila baca

- ✓ Goncang botol sebelum guna.
- ✓ Elakkan kontaminasi pakaian, tangan dan mata terhadap antigen.
- ✓ Ujian perlu dijalankan di kawasan yang bersih, jauh dari cahaya matahari.
- ✓ Bersihkan gelung inokulasi untuk setiap ujian bagi mengelakkan kontaminasi sampel.
- ✓ Antigen ini hanyalah untuk menyaring antibodi Salmonella dalam ternakan ayam.



Salmonella pullorum & *Salmonella enteritidis*
Stained Antigen

KESIHATAN HAIWAN ADALAH KEUTAMAAN KAMI



**"Pastikan saringan Salmonellosis
dijalankan diladang secara berkala"**



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA



SAPEN



Antigen Salmonella Untuk Ternakan Ayam

***Salmonella pullorum*
dan *Salmonella enteritidis*
Stained Antigen**



INSTITUT PENYELIDIKAN VETERINAR
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
59, Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 IPOH, PERAK DARUL REDZUAN

Ladang bebas Salmonella adalah tanggungjawab bersama



Tujuan Penggunaan

Antigen ini adalah untuk kegunaan lapangan menggunakan sampel darah untuk pengesanan antibodi terhadap Salmonella dalam ternakan ayam secara cepat dan berkesan.

Prinsip Asas

Apabila darah mengandungi bakteria Salmonella, antibodi akan bertindak balas terhadap antigen. Tindak balas antibodi-antigen membentuk aglutinasi yang boleh diperhatikan dengan mata kasar dalam jangka masa tertentu.

Diskripsi Produk:

Produk ini mengandungi bakteria yang telah dimatikan dan diwarnai dengan kristal violet. Produk mengandungi antigen *Salmonella pullorum* & *Salmonella enteritidis* untuk pengesanan antibodi Salmonella di dalam ternakan ayam. Setiap botol mengandungi 25 ml antigen mencukupi untuk 800 ujian.




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

CARA-CARA PENGGUNAAN RAPID WHOLE BLOOD TEST (RWBT)

- ✓ Titikkan darah dalam kuantiti yang sama dengan antigen (SAPEN) di atas jubin putih atau slaid kaca dan campur rata menggunakan gelung inokulasi.
- ✓ Jarum steril perlulah digunakan untuk mendapatkan darah dari vena kepak ternakan ayam dan kuantiti yang diperlukan adalah lebih kurang 0.03 ml.
- ✓ Goyangkan jubin/slaid kaca dan perhatikan jika aglutinasi berlaku.

Keputusan ujian:



Positif Salmonella:

- ✓ Kelihatan aglutinasi sepanjang pencampuran darah dengan antigen dalam masa beberapa saat.

Negatif Salmonella :

- ✓ Tiada aglutinasi diperhatikan.
- ✓ Sebarang pemerhatian selepas 1 minut adalah tidak diterima.
- ✓ Ayam yang didapati positif perlulah diasingkan secepat mungkin.

Adakah ladang ternakan anda bebas dari Salmonella?
SAPEN adalah produk yang terbaik bagi menyaring masalah ini.



Penyimpanan dan Jangka Hayat Produk

Antigen perlulah disimpan dalam kawasan gelap pada suhu 2°C hingga 8°C. Jangka hayat produk dilabelkan pada botol produk. Tidak boleh dibekukan.



INSTITUT PENYELIDIKAN VETERINAR
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
59 Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 IPOH, PERAK DARUL REDZUAN